

Cetirizine hydrochloride (5mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CETIHIS
2. Bagaimana CETIHIS berfungsi
3. Sebelum mengambil CETIHIS
4. Cara mengambil CETIHIS
5. Semasa mengambil CETIHIS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CETIHIS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CETIHIS

Rawatan simptomatik bagi rinitis (radang pada membran mukus dalam hidung) bermusim, rinitis perenial (berlaku sepanjang tahun) dan urtikaria (kegatalan kulit) yang berpunca daripada alahan.

## Bagaimana CETIHIS berfungsi

CETIHIS mengandungi antihistamina dipanggil cetirizine yang menghalang kesan-kesan histamina yang dihasilkan semasa reaksi alahan. CETIHIS juga mengurangkan reaksi alahan yang dicetuskan oleh alergen (bahan yang mencetuskan tindak balas alahan) tertentu.

## Sebelum mengambil CETIHIS

### - Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah (terlalu sensitif) terhadap Cetirizine atau sebarang bahan kandungan CETIHIS.
  - Jika anda pernah mengalami tindak balas yang teruk semasa menggunakan produk lain yang mengandungi antihistamina.
  - Jika anak anda mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.
  - Jika anda mengandung atau sedang menyusukan anak
    - Anda sepatutnya elak daripada menggunakan CETIHIS jika anda mengandung, terutamanya pada trimester yang pertama. CETIHIS hanya boleh digunakan jika doktor mengambil keputusan bahawa manfaat yang dijangka daripada rawatan ini mengatasi potensi risiko kepada janin.
- Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung,

bincang dengan doktor dahulu untuk mengetahui samada CETIHIS sesuai untuk anda.

- Jangan ambil CETIHIS jika anda sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan anak kerana ia pernah dilaporkan bahawa Cetirizine mungkin boleh meresap ke dalam susu ibu.

Jangan menggunakan ubat ini jika perkara di atas berkaitan dengan anda. Jika anda tidak pasti, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil CETIHIS.

### - Sebelum mula mengambil

Aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental:

Kejadian *somnolence* (mengantuk atau mengantuk luar biasa) telah dilaporkan dalam beberapa pesakit yang mengambil Cetirizine. Oleh itu, berhati-hati ketika memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan ubat yang lain. Ini termasuk ubat tanpa preskripsi dan ubat herba. Ini adalah kerana CETIHIS mungkin boleh menjejaskan fungsi ubat-ubatan yang lain. Ubat lain juga boleh menjejaskan cara CETIHIS berfungsi.

Secara khususnya, beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan sebarang sedatif (ubat yang mengurangkan atau melegakan kebimbangan, tekanan, kerengsaan atau keterujaan). CETIHIS harus digunakan dengan berhati-hati jika anda telah mengambil atau sedang menggunakan sedatif.

## Cara menggunakan CETIHIS

### - Berapa banyak harus digunakan

Oral

#### **Dewasa**

10 mg sekali sehari

#### **Kanak-kanak**

> 6 tahun:

10 mg sehari, sama ada 5 mg dua kali sehari atau 10 mg sekali sehari

3–6 tahun:

5 mg sehari, sama ada 2.5 mg dua kali sehari atau 5 mg sekali sehari

## **Pesakit dengan masalah buah pinggang**

Dos perlu dikurangkan kepada ½ daripada dos harian.

Larutan oral: 10 mL larutan = 10 mg atau  
5 mL larutan = 5 mg atau  
2.5 mL larutan = 2.5 mg

Seperti ubat yang lain, jika anda mendapati sebarang kesan yang tidak diingini, hentikan penggunaan dan berjumpa dengan doktor anda.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ia adalah disarankan untuk mengambil ubat ini dengan sedikit cecair semasa makan malam kerana simptom-simptom alahan biasanya muncul pada waktu malam.

Sekiranya anda terjejas oleh kesan sampingan, dos boleh diambil sebanyak 5 mg pada waktu pagi dan 5 mg pada waktu malam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat, dengan syarat bahawa anda tidak menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan dalam masa 24 jam. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda paling mungkin berlaku jika terlebih dos termasuk rasa mengantuk, yang mungkin berlaku sekiranya mengambil 50 mg *Cetirizine* dalam satu dos. Pada kanak-kanak, keresahan boleh berlaku akibat pengambilan yang berlebihan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan CETIHIS**

- Perkara yang perlu dilakukan

- ✓ Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- ✓ Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CETIHIS
- ✓ Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi CETIHIS dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental:

Jika CETIHIS menyebabkan anda berasa pening, mengantuk, gelisah atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, CETIHIS boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

- Sakit kepala
- Pening

- Rasa mengantuk
- Gelisah
- Mulut kering
- Ketidakelesaan gastrousus
- Hipersensitiviti

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, atau mendapati sebarang kesan yang tidak diinginkan yang tidak dinyatakan di sini, hentikan penggunaan ubat dan jumpa doktor / ahli farmasi atau pergi ke hospital terdekat dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan CETIHIS**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Tempoh simpan: Tiga (3) tahun

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih yang tidak berwarna dengan perisa pisang-anggur.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

*Cetirizine dihydrochloride*

Bahan-bahan tidak aktif:

Sukrosa, *Methyparaben*, *Propylparaben*, Asid Sitrik, *Sodium citrate*, *Sodium chloride*, Gliserin, *Propylene glycol*, Perisa pisang, Perisa anggur dan Air suling.

Nombor MAL: MAL09051539A

**Pengilang**

UNISON LABORATORIES CO., LTD.  
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand

**Pemegang Pendaftaran Produk**

MEDISPEC (M) SDN. BHD  
# 55 & 57 Lorong Sempadan 2, (Off Boundary) 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

13/03/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)130315/00041